

Seramai 184 pelajar dari seluruh negara akan mendaftar 9 Julai ini bagi tiga aliran pengajian

Universiti Sabah akan mula 17 Julai



Prof. Dr Abu Hassan

Oleh YATIM TAUBATAL ANDAM

KOTA KINABALU, Rabu - Universiti Malaysia Sabah (UMS), iaitu universiti ke sembilan ditubuhkan di negara ini, akan memulakan semester akademik pertamanya bagi sesi 1995/1996 17 Julai ini.

Naib Canselornya, Prof Dato Dr Abu Hassan Othman, berkata seramai 184 pelajar dari seluruh negara yang akan memasuki tiga aliran pengajian, Sains dan Teknologi, Perniagaan dan Ekonomi, Sains Sosial dan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa akan mendaftar 9 Julai ini.

Katanya, UMS juga akan menawarkan pengajian separuh masa untuk pasca siswazah yang menumpukan bidang penyelidikan dan kajian membabitkan pengajian yang sama.

Menurutnya, semua pengajian akan menggunakan kampus sementara di Kompleks Komuniti Yayasan Sabah, dekat sini yang boleh menampung 250 siswa serta pelbagai kemudahan pentadbiran dan untuk perjalannya.

"Bagaimanapun, apabila universiti menerima pelajar baru bagi sesi akan datang, kami menjangkakan mengambil alih kampus sementara UKMS di Menggatal sehingga tempoh pembinaan kampus tetap

UMS siap pada 1998," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar, di sini, pagi tadi.

Abu Hassan berkata, pembinaan kampus tetap UMS yang letaknya di kawasan tanah seluas 226 hektar, di Teluk Sepanggar, akan bermula tahun depan iaitu setelah pelan induk projeknya siap pada penghujung tahun ini.

Sementara itu, pada masa kini, UKM masih menggunakan kampus sementaranya di Menggatal, dekat sini untuk dua pengajian Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) dan Fakulti Sains Pembangunan (FSA).

Kedua-dua fakulti itu kini dalam proses pemindahan di kampus Induk UKM di Bangi dan perpindahan secara beransur-ansur itu akan selesai sepenuhnya pada Julai tahun depan.

Pada hari ini, Abu Hassan berkata, selain pengambilan pelajar untuk sesi 1995/1996, UMS juga mengadakan pengambilan 244 pelajar matrikulasi juga dalam bidang Sains dan Teknologi, bermula Jun dan awal Julai lalu.

Menurutnya, pelajar matrikulasi itu mengikuti pengajian masing-masing di kampus UKMS Menggatal, Sekolah Menengah Sains Muar, Johor dan Maktab Rendah Sains Mara Kulim, Kedah.

Katanya, dalam bidang penyelidikan, UMS turut mengadakan unit penyelidikan Marjin Borneo; Biologi Tropika dan Pemuliharaan; Etnografi dan Pembangunan serta Unit Psikologi dan Kesihatan Sosial.